

**PERSOALAN BID'AH
MENURUT
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

HAJI JAINAL SAKIBAN AL-JAUHARI

Tajuk:

**PERSOALAN BID'AH
MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Haji Jainal Sakiban al-Jauhari

Cetakan Pertama: 2009M/1430H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-783-3343-48-5

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Disemak dan ditashih oleh
Lujnah Penyemak dan Pentashih Penerbitan Agama Johor
Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Diterbitkan oleh:
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh:
Master Gifts Sendirian Berhad
019-7777662

INTISARI

Kandungan	Hal
✓ Mukadimah	5
✓ Soalan 1: Adakah gerakan Wahhabi itu hanya menggunakan satu nama sahaja atau ada nama lain mengikut tempat bagi mengaburi masyarakat?	6
✓ Soalan 2: Oleh kerana gerakan Wahhabi menggunakan manhaj bid'ah, apakah yang dimaksudkan dengan bid'ah itu?	8
✓ Soalan 3: Adakah semua bid'ah itu sesat atau dhalalah? Tidak adakah para ulama yang membahagikan bid'ah itu kepada yang baik dan tidak semuanya sesat?	9
✓ Soalan 4: Apakah pendapat para ulama mengenai bid'ah ini, sila huraikan satu persatu jika sekiranya ada untuk pengetahuan bersama.	12
✓ Soalan 5: Bid'ah yang macammanakah dihukumkan sesat atau dhalalah? Adakah setiap perkara baru yang diada-adakan itu dinamakan bid'ah?	15
✓ Soalan 6: Bagaimana Imam Syafie membahagikan bid'ah itu?	16
✓ Soalan 7: Adakah para ulama sepakat mengenai pembahagian bid'ah itu kepada bid'ah yang baik dan bid'ah yang sesat?	17
✓ Soalan 8: Jika asekiranya para ulama mendefiniskan bid'ah berdasarkan hadis Nabi s.a.w, adakah di sana juga disokong oleh ayat-ayat Al-Quran mengenai perkara tersebut?	18
✓ Soalan 9: Apakah terdapat hadis-hadis yang boleh dijadikan hujah mengenai pembahagian bid'ah itu kepada baik dan sesat?	20
✓ Pertama	-
✓ Kedua	21
✓ Ketiga	22
✓ Keempat	-
✓ Kelima	23
✓ Keenam	25
✓ Ketujuh	26
✓ Kelapan	27
✓ Kesembilan	-
✓ Kesepuluh	28
✓ Soalan 10: Kesimpulan - Daripada hadis-hadis dan huraianya, apakah yang dapat disimpulkan daripada perbincangan tersebut?	-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SIKIT-SIKIT BID'AH

Mukadimah

Sejak akhir-akhir ini berbagai kegiatan untuk merosakkan fahaman Alhi Sunnah wal Jamaah muncul dalam kehidupan masyarakat. Antara kegiatan tersebut bergerak melalui kuliah-kuliah di masjid dan surau oleh guru-guru tertentu yang kononnya mengajar untuk mengimarahkan masjid dan surau; atau melalui individu tertentu yang mengajar di rumah-rumah dengan pengikut-pengikutnya. Melalui penulisan di akhbar-akhbar perdana dan tabloid, melalui penyebaran kaset, VCD, DVD, melalui pemplet dan risalah, melalui penerbitan buku-buku, terkini Gerakan Muhammadiyah Singapura menerbitkan semula buku “Teguran Suci Dan Jujur Terhadap Mufti Johor” oleh Hamka yang telah diterbitkan oleh persatuan Muhammadiyah Singapura edisi pertama pada 1958; seterusnya melalui laman maya, internet, blog dan bermacam-macam saluran kesemuanya digunakan untuk merosakkan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.

Fahaman Wahhabi menggunakan istilah **BID'AH** sebagai manhaj atau metodologi fahaman mereka. Jadi untuk mengenali golongan ini, “bila sikit-sikit bid'ah” yang diperkatakan, itulah golongan Wahhabi.

Soalan 1:

Adakah gerakan Wahhabi itu hanya menggunakan satu nama sahaja atau ada nama lain mengikut tempat bagi mengaburi masyarakat?

Jawab:

Pengakuan Djamal Tukimin, Yishun, Republik Singapura selaku Pengerusi Jabatan Penerangan, Pimpinan Pusat Muhammadiyah Singapura pada (1997-1999) dalam pengantar buku "The Lost Manuscript Hamka" yang diberi nama "Sebuah Polemik Agama, Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor" edisi 2009, terbitan Pusataka Dini, Shah Alam, Selangor diedar oleh: Crescent News (K.L) Sdn Bhd, Taman Batu Cave, Selangor dan dicetak oleh: Percetakan Rahim Razak Sdn Bhd Bandar Sungai Buluh, Selangor menjelaskan: Sekadar working definition bahawa **"Kaum Muda memang diakui sebagai fahaman dan gerakan pemurnian Islam dengan salafi, kaum muda, islah, reformis, golongan sunnah, Muhammadiyah atau juga Wahhabi."**¹

Beliau juga, dalam pengantar buku "The Lost Manuscript Hamka" yang diberi nama "Sebuah Polemik Agama, Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor" terbitan Pusataka Dini, Shah Alam, Selangor edisi kedua 2009, diedar oleh: Crescent News (K.L) Sdn Bhd, Taman Batu Cave, Selangor dan dicetak oleh: Percetakan Rahim Razak Sdn Bhd Bandar Sungai Buluh, Selangor mendedahkan:

"Pada tahun 1950-an ulama *salafi* atau *kaum muda* didokong oleh tokoh-tokoh seperti Ustaz Hassan Ahmad atau juga dikenali dengan Ustaz Hassan Bandung, ustaz kelahiran Singapura berketurunan Tamil/India yang banyak mencetak buku di Malaya ketika itu di mana gerakan yang (kononnya gerakan

¹ Sebuah Polimik Agama Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor, Pustaka Dini 2009, hal. 7.

pemurnian akidah ini) banyak berkembang di negeri selat seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang”.

Fahaman Wahhabi atau dikenali dengan nama *kaum muda atau salafi atau gerakan Muhammadiyah* diakui sendiri oleh pemimpinnya yang ia bergerak di Singapura dan Malaya ketika itu. Tambahnya: "Gerakan di Singapura dirintis oleh Syed Sheikh al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin melalui majalah al-Imam di ambang kurun ke-20, sementara di Melaka gerakan Ansarul-Sunnah di sekitar daerah Terentang antara Jasin dan Chinchin yang digerakkan oleh Ustaz Haji Mohammad Amin. Di Kuala Pilah, di antara Adat Perpatih yang diamalkan tidak kurang pula perkembangannya dari ulama-ulama *salafi* seperti Ustaz Abdul Malik dan Ustaz Hashim Ghani. Di Pulau Pinang yang erat tali perjuangannya dengan Perlis tentu sekali ulama-ulama *kaum muda* tidak mudah dilupakan seperti Ustaz Ibrahim Akibi dan Ustaz Abu Bakar Asyaari".² "Gerakan Wahhabi ini memang bergerak ke seluruh dunia". Pada tahun 50-an, oleh kerana gerakan ini banyak ditentang oleh ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka gerakan ini tidak tersebar meluas hinggalah di akhir-akhir ini ia mula bergerak aktif termasuk di Malaysia setelah mendapat sentuhan tokoh-tokoh Wahhabi tertentu.

Mengikutnya lagi: "Muhammadiyah kini merupakan satu-satu organisasi NGO terbesar di dunia dalam usaha untuk memberikan khidmatnya dari seluruh lapisan umur dan juga dalam berbagai-bagai aspek kehidupan. Muhammadiyah memiliki lebih 20 ribu sekolah, ratusan hospital, puluhan universiti dan maktab kejuruan dan profesional. Dijangkakan anggota / pengikut Muhammadiyah (termasuk anggota / pengikut organisasi yang sefahaman seperti Persatuan Islam (Persis) dan Jamiyah al-Irsyad) hampir 50 juta orang".³ Ini hanya dakwaan pemimpin Muhammadiyah Singapura sahaja yang belum tentu benar atau tidaknya fakta tersebut.

² Ibid, hal. 4-5.

³ Ibid 5-6.

Soalan 2:

Oleh kerana gerakan Wahhabi ini menggunakan manhaj Bid'ah, apakah yang dimaksudkan dengan bid'ah itu?

Jawab:

Bid'ah itu dari bahasa Arab: ba, da, 'a (بَدَعَ) cipta. Ia berasal daripada perkataan Al-Ibda' (الْإِبْدَاعُ) iaitu mewujudkan satu ciptaan tanpa peniruan dan ikutan. Ini sebagaimana disebutkan dalam Mufradat al-Quran, oleh al-Raghib al-Asfahani. Perkataan ini juga diguna pakai dengan perkataan al-Mubda' (الْمُبْدَعُ) (yang dicipta), begitu juga perkataan al-Bid' (الْبِدْعُ), ia juga diguna pakai untuk maksud al-mubdi' (الْمُبْدِئُ) (pencipta) dan al-mubda' (الْمُبْدَأُ) isim fail dan isim maf'ul.

Mengikut mazhab, bid'ah itu bermaksud:

- 1) Membawa satu pendapat di mana orang yang mengatakan pendapat itu; atau
- 2) Mengamalkannya tidak mengikut pedoman yang dibawa oleh pembawa syariat (Nabi Muhammad s.a.w); atau
- 3) Tidak mengikut contoh-contoh yang terdahulu: dan
- 4) Tidak mengikut prinsip-prinsip yang diyakininya.

Hadis yang dijadikan sandaran dan asas kepada pegangan Wahhabi ialah hadis riwayat Abu Daud, iaitu:

كُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

Ertinya: Setiap yang baru (diada-adakan itu) adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat dan setiap yang sesat itu berada di dalam neraka.⁴

Sebenarnya, golongan Wahhabi selalu mempertikaikan hadis yang tidak selari dengan fahamannya, tetapi oleh kerana dalam soal bid'ah ini ia selari dengan fahamannya, maka mereka menggunakan hadis Abu Daud untuk dijadikan sandaran.

Soalan 3:

Apakah semua bid'ah itu sesat atau dhalalah? Tidak adakah para ulama yang membahagikan bid'ah itu kepada yang baik dan tidak semuanya sesat?

Jawab:

Dalam soal bid'ah ini, Ibn Taimiyah begitu berkeras tidak bertolak ansur dalam pembahagian bid'ah, kerana pada pendapatnya tidak ada bid'ah hasanah. Beliau begitu memperlekehkan orang yang membahagikan bid'ah itu kepada Bid'ah Hasanah dan Bid'ah Dhalalah. Beliau memberikan hujah begitu panjang lebar untuk menyokong pendapatnya dan membatalkan hujah-hujah mereka yang menentanginya dalam kitabnya 'Iqtidha' al-Sirat al-Mustaqim'.⁵ Pendapat beliau inilah yang dipegang oleh Muhammad bin Abdul Wahab pengasas gerakan Wahhabi dan mereka yang sehaluan dengannya.

Dalam hubungan ini, para ulama membahagikan bid'ah kepada dua, iaitu:

1. Bid'ah Huda (petunjuk); dan
2. Bid'ah Dhalalah (sesat).

⁴ Sanadnya sahih. Riwayat Abu Daud tajuk: Al-Sunnah (4607). Al-Tirmizi tajuk: Al-'Ilm (2676), katanya: Hadis ini hasan sahih. Ibn Majah dalam Mukadimahny hal. (42-43). Ahmad (4/126, 127). Al-Hakim (1/95, 06), katanya: Hadis ini sahih tidak ada 'illat (kecacatan) dan dipersetujui oleh al-Dzahabi dan Ibn Hibban.

⁵ Ibn Taimiyah dalam kitab Iqtidha' al-Sirat al-Mustaqim (2/581 dan selanjutnya).

Bid'ah yang bercanggah dengan perintah Allah S.W.T dan RasulNya, maka ia berada dalam kategori bid'ah tercela dan ditolak. Manakala bid'ah yang termasuk dalam erti kata umum firman Allah, galakan serta digesa oleh Rasulullah s.a.w, ia termasuk dalam kategori bid'ah yang mahmudah atau dipuji.

Bid'ah yang tidak ada contoh sebelumnya seperti perbuatan baik, pemurah dan melakukan perkara yang makruf termasuk dalam kategori perbuatan-perbuatan yang terpuji. Tetapi perbuatan-perbuatan itu tidak boleh bercanggah dengan ajaran yang dibawa oleh syarak. Kerana Nabi s.a.w telah menetapkan setiap perbuatan yang baik itu ada pahalanya. Baginda bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً كَانَ لَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا .

Ertinya: Barang siapa yang mempelopori sunnah (amalan) yang baik, maka dia mendapat pahala dan pahala orang yang mengamalkannya.

وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا .

Ertinya: Barang siapa yang mempelopori sunnah yang buruk, maka dia menanggung dosanya dan dosa orang yang mengamalkannya.⁶

Sunnah yang buruk atau dhalalah itu ialah sunnah yang bercanggah dengan perintah Allah S.W.T atau perintah Rasulnya. Antara contoh sunnah yang baik ialah seperti yang dikatakan oleh Umar r.a:

نَعَمَتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ .

Ertinya: Sebaik-baik bid'ah ialah yang ini. Iaitu bersolat Tarawih secara berjemaah pada setiap malam di bulan Ramadan. Ini kerana amalan tersebut termasuk dalam kategori dan perbuatan terpuji. Oleh kerana itu Umar menamakannya sebagai bid'ah dan

⁶ Muslim dalam tajuq al-Zakah (69/1017).

memujinya. Ia (solat Tarawih berjemaah pada setiap malam) dinamakan bid'ah kerana Nabi Muhammad s.a.w tidak menganjurkannya kepada mereka. Baginda hanya mengerjakan beberapa malam, kemudian baginda meninggalkannya dan tidak berterusan mengamalkannya serta tidak pula orang ramai berkumpul untuk sama-sama berjemaah. Ia juga tidak berlaku semasa zaman Abu Bakar. Saiyidina Umarlah orang pertama yang mengumpulkan orang ramai dan menggalakkan mereka solat berjemaah beramai-ramai.

Kerana itulah Umar mengatakannya bid'ah, sedangkan pada hakikatnya ia adalah sunnah, ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ مِنْ بَعْدِي .

Ertinya: Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku, dan sunnah khulafa' al-Rasyidin selepasku.

Sabda baginda s.a.w lagi:

إِقْتَدُوا بِالَّذِينَ مِنْ بَعْدِي أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ .

Ertinya: Ikutlah dua orang yang selepasku iaitu Abu Bakar dan Umar.⁷

Berdasarkan takwilan inilah maka disebutkan: Setiap yang baru diada-adakan itu namanya bid'ah.

Yang dimaksudkan oleh baginda (tentang bid'ah yang sesat) ialah: Setiap perkara yang bercanggah dengan prinsip syariat dan tidak sejajar dengan sunnah. Selesai nukilan daripada Ibn al-Athir.⁸

Dalam al-Qamus al-Muhit dan syarahnya menyebutkan:

⁷ Sanadnya sahih. Riwayat Ahmad (5/382). Al-Tirmizi di bawah tajuk: Al-Manaqib (3662, 3805). Ibn Majah dalam Muqaddimahnyanya (97). Al-Tobarani dalam kitab al-Kabir (8426). Ibn Hibban (Ihsan-6863).

⁸ Al-Nihayah Fi Gharib al-Hadis (1/106, 107).

Perkataan bid'ah bererti perkara baru dalam agama setelah agama itu sempurna.⁹

Antara yang termasuk dalam pengertian ini ialah yang disebutkan dalam hadis:

إِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ .

*Ertinya: Awaslah kamu daripada perkara-perkara baru yang diadakan, kerana setiap yang baru diadakan adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat.*¹⁰

Soalan 4:

Apakah pendapat para ulama mengenai bid'ah ini, sila huraikan satu persatu jika sekiranya ada untuk pengetahuan semua?

Jawab:

1. Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Jabir r.a. bahawa Nabi s.a.w pernah bersabda di dalam khutbahnya:

إِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،
وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا ، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ .

Ertinya: Sesungguhnya sebaik-baik bicara ialah kitab Allah (Al-Quran), dan sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Seburuk-buruk perkara ialah perkara baru

⁹ Al-Misbah al-Munir (hal 38). Cet, al-Maktabah al-Ilmiyyah – Beirut.

¹⁰ Sanadnya sahih. Riwayat Abu Daud di bawah tajuk: Al-Sunnah (4607). Al-Tirmizi di bawah tajuk: Al-Ilm (2676), katanya: Hadis ini hasan sahih. Ibn Majah pada Mukaddimahnyanya (42, 43). Ahmad (4/126, 127). Al-Hakim (1/95, 96), katanya: Hadis ini sahih tidak ada illat (kecacatan), dan dipersetujui oleh al-Dzahabi dan Ibn Hibban.

*yang diada-adakan, dan setiap yang baru diada-adakkan itu bid'ah, dan setiap yang bid'ah itu adalah sesat.*¹¹

Dalam hubungan ini, Imam al-Nawawi menghuraikan: Bahawa sabda baginda s.a.w yang menyebutkan 'Setiap bid'ah adalah sesat', merupakan perkataan yang umum dan dikhususkan (melalui tafsiran oleh sumber syarak yang lain). Yang dimaksudkan dengan bid'ah yang sesat dalam hadis ini ialah mengikut kebiasaannya. Pakar bahasa Arab menyebutkan: Bid'ah (dari sudut bahasa) bermakna setiap perkara yang dilakukan tanpa berpandukan kepada contoh sebelumnya.

Setengah ulama pula menyebutkan: Bid'ah itu terbahagi kepada lima bahagian iaitu;

Wajib: Contohnya: Mengumpulkan dalil-dalil yang diusahakan oleh ulama ilmu kalam dalam usaha menolak hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan mulhid (mengkari ketuhanan), ahli bid'ah dan golongan yang seumpama mereka.

Sunat: Contohnya: Mengarang kitab-kitab ilmu pengetahuan, membina sekolah, kem-kem tentera dan selainnya.

Harus: Contohnya: Menikmati pelbagai jenis makanan dan sebagainya.

Haram dan Makruh:

Bid'ah yang haram dan makruh adalah jelas. Berdasarkan paparan di atas dapat diketahui bahawa yang menyentuh tentang bid'ah ini merupakan suatu yang umum dan perlu dikhususkan. Begitu juga hadis-hadis lain yang seumpamanya.

Hal ini ditegaskan lagi melalui ungkapan Umar r.a: نَعَمَتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ

Ertinya: Sebaik-baik bid'ah ialah yang ini.

¹¹ Riwayat Muslim. Bab al-Jumu'ah (43/867).

Walaupun hadis di atas disebutkan dalam bentuk penegasan melalui perkataan (كُلُّ) semua/setiap, namun tidak dinafikan bahawa hadis tersebut adalah hadis yang umum dan dikhususkan oleh nas-nas yang lain. Malah dengan adanya perkataan (kesemua), hadis ini mempunyai ruang untuk dikhususkan. Contohnya seperti firman Allah dalam surah al-Ahqaf ayat 25:

تُدْمِرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا ...

*Ertinya: Yang menghancurkan leburkan segala-galanya ...*¹²

Walaupun ayat itu menyebutkan semuanya dibinasakan namun masih terdapat benda-benda lain yang tidak binasa, dan benda yang tidak binasa itulah dimaksudkan sebagai perkara yang dikhususkan (dikecualikan) daripada umum nas tersebut.

Dalam riwayat yang lain al-'Irbadh bin Sariyah, Rasulullah s.a.w bersabda menerangkan perkara yang dibincangkan:

إِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ .

Ertinya: Berhati-hatilah kamu daripada perkara-perkara baru yang diada-adakan, kerana setiap perkara baru yang diada-adakan adalah bid'ah dan setiap bid'ah itu adalah sesat.

Ini dapat disimpulkan: Bukanlah semua perkara yang ada perkataan (KUL) atay semua seperti (كُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ) dan (وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ) itu bermaksud kesemua atau segala-galanya bid'ah, malah ada pengecualian iaitu apa juga perkara baru yang diada-adakan tetapi selari dengan Al-Quran, sunnah, ijmak dan qias bukanlah bid'ah yang dhalalah, tetapi termasuk kategori bid'ah yang hasanah atau mahmudah atau terpuji.

¹² Sahih Muslim bi-syarah al-Nawawi (6/154, 155).

Soalan 5:

Bid'ah yang macam manakah dihukumkan sesat atau dhalalah? Adakah setiap perkara baru yang diada-adakan itu dinamakan bid'ah?

Jawab:

Dalam menghuraikan hadis bid'ah, Ibn Rajab mengatakan: yang dimaksudkan dengan bid'ah ialah: Perkara baru yang diadakan tetapi tidak mempunyai asal-usulnya dalam syariat yang menjadi dalil ke atasnya. Adapun perkara yang mempunyai asas dalam syarak yang menjadi dalil ke atasnya, maka ia tidak dikategorikan sebagai bid'ah menurut pengertian syarak, sekalipun dari sudut bahasa ia tergolong dalam erti kata bid'ah.¹³

Dalam sahih al-Bukhari terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud, katanya:

إِنَّ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا .

*Ertinya: Sesungguhnya sebaik-baik bicara ialah kitab Allah S.W.T, dan sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. Seburuk-buruk perkara ialah perkara baru yang diada-adakan.*¹⁴

Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dalam menghuraikan hadis tersebut mengatakan: Bahawa perkataan al-muhdathat (مُحَدَّثَاتُ) itu ialah kata jamak kepada perkataan al-muhadathah (مُحَدَّثَةٌ). Ia

¹³ Jami' al-Ulum wa al-Hikam (hal 398) cet. Dar al-Furqan, Jordan.

¹⁴ Al-Bukhari. Kitab al-l'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah (7277).

bermaksud perkara baru yang diada-adakan tetapi tidak mempunyai asas dari sudut syarak. Dalam istilah syarak ia biasanya dinamakan sebagai bid'ah. Namun perkara yang mempunyai asas yang ditunjukkan oleh syarak, bukanlah bid'ah namanya.

Bid'ah pada syarak biasanya dikeji. Berbeza halnya dengan bid'ah dari sudut bahasa. Dari sudut bahasa, semua perkara yang baru diada-adakan tanpa ada contoh sebelumnya ia dinamakan sebagai bid'ah tanpa membezakan perkara tersebut sebagai perkara mahmudaah (yang terpuji) atau dhalalah (tercela).¹⁵

Soalan 6:

Bagaimana Imam Syafie membahagikan bid'ah itu?

Jawab:

Abu Nu'man meriwayatkan daripada Ibrahim bin al-Junaid, katanya: Aku mendengar al-Shafie berkata:

Bid'ah terbahagi kepada dua, iaitu bid'ah mahmudah (bid'ah terpuji) dan bid'ah mazmumah (bid'ah tercela). Apa yang sejajar dengan as-Sunnah dikira terpuji dan apa yang bercanggah dengan as-Sunnah dikira tercela.¹⁶

Dalam kitab *Manaqib al-Shafie*, al-Baihaqi meriwayatkan daripada beliau (al-Shafie) katanya: Perkara-perkara baru ada dua bentuk:

Pertama: Perkara baru yang diada-adakan itu bercanggah dengan ajaran Al-Quran dan sunnah atau athar, atau ijmak. Inilah bid'ah yang sesat.¹⁷

¹⁵ Fath al-Bari (13/266, 267), cet. Al-Rayyan.

¹⁶ Riwayat Abu Nu'man dalam kitab *Hilyat al-Auliya'* (9/113).

¹⁷ Fath al-Bari (13/627).

Kedua: Perkara baru yang baik dan tidak bercanggah dengan mana-mana perkara yang disebutkan (iaitu Al-Quran, sunnah, athar dan ijmak), maka ia tidak dicela. Dalam hal ini Umar r.a pernah menyebutkan berkaitan salat Tarawih secara berjemaah pada bulan Ramadan dengan katanya: *بِعَمَّتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ*. Ertinya: *Sebaik-baik bid'ah ialah yang ini.*

Apa yang beliau maksudkan bahawa perbuatan itu ialah perkara baru yang tidak dilakukan sebelumnya. Jika perkara itu pernah dilakukan sebelumnya, maka ia tidak disanggah, berdasarkan keterangan tersebut.

Soalan 7:

Adakah para ulama sepakat mengenai pembahagian bid'ah itu kepada bid'ah yang baik dan bid'ah yang sesat?

Jawab:

1. Berdasarkan huraian hadis di atas dapatlah disimpulkan bahawa para ulama bersepakat mengenai pembahagian bid'ah kepada bid'ah yang terpuji dan bid'ah yang tercela dan sesat. Orang yang mengatakan demikian ialah Umar r.a.
2. Para ulama juga sepakat bahawa sabda Rasulullah s.a.w yang menyebutkan: Setiap yang bid'ah itu sesat, merupakan hadis umum yang perlu dikhususkan.

Pengkhususan tersebut mengikut pendapat:

- i. Imam Shafie mengatakan:

Setiap perkara yang mempunyai sandaran dari sudut syarak, bukannya bid'ah namanya sekalipun tidak diamalkan oleh generasi salaf. Ini kerana mereka

meninggalkan beramal dengan perkara tersebut mungkin disebabkan adanya keuzuran yang tidak memungkinkan mereka mengamalkannya pada masa itu; atau kerana ada perkara lain yang lebih baik untuk mereka lakukan; atau mungkin juga kerana amalan tersebut tidak sampai ke pengetahuan mereka.

ii. Ibn al-Arabi pula berkata:

Bid'ah dan muhdathah itu bukanlah sesuatu yang dicela kerana namanya memang begitu, dan ia juga bukan dicela kerana maknanya. Tetapi yang dicela mengenai bid'ah itu ialah perkara yang bercanggah dengan sunnah. Yang dicela mengenai muhdathah (perkara baru yang diadadakan) ialah perkara yang membawa kepada kesesatan.

Soalan 8:

Jika sekiranya para ulama mendefinisikan bid'ah itu berdasarkan hadis Nabi s.a.w, adakah di sana juga disokong oleh ayat-ayat Al-Quran mengenai perkara tersebut?

Jawab:

At-Tabarani meriwayatkan dalam kitab al-Awsat athar yang bersumberkan daripada Abu Umamah r.a, katanya:

Sesungguhnya Allah memfardukan kepada kamu puasa Ramadan. Dia tidak memfardukan kepada kamu beribadat di malam harinya (iaitu bertarawih secara berjemaah).

Beribadat di malam hari itu adalah perkara baru yang kamu ada-adakan. Oleh itu hendaklah kamu bertekun dan berterusan mengerjakannya. Ini kerana ada manusia dari kalangan Bani Israel yang telah mencipta satu bid'ah. Lantaran itu Allah mencela mereka apabila mereka meninggalkannya. Allah berfirma dalam surah al-Hadid ayat 27:

وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ابْتِغَاءَ رِضْوَانِ اللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا
حَقَّ رِعَايَتِهَا . . .

Ertinya: ... dan (perbuatan mereka beribadat secara) Rabbaniyyah, merekalah sahaja yang mengadakan dan menciptanya; Kami tidak mewajibkannya atas mereka; (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredhaan Allah; dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajarnya

Dalam sanad athar ini terdapat nama Zakaria bin Abu Maryam. Ibn Hibban menyenaraikannya termasuk dalam perawi yang thiqah (dipercayai). Al-Nasa'ie pula mengatakan: perawinya tidak kuat.

Ad-Darul Qutni mengatakan:

Perawinya boleh diambil kira. Kefahaman yang dipetik oleh Abu Umamah berdasarkan ayat al-Quran tersebut adalah sahih (betul). Ini kerana ayat tersebut bukan mencela golongan manusia itu (dari Bani Israel) kerana mereka mengada-adakan cara hidup kependetaan (menjadi pendeta). Ini kerana mereka mengadakan cara hidup macam pendeta itu dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah. Tetapi al-Quran mencela mereka disebabkan mereka tidak menunaikan dengan sebenar-benarnya cara kependetaan yang mereka ada-adakan itu. Ini menunjukkan bid'ah yang baik disyariatkan (diperakukan oleh syarak) seperti yang jelas ketara melalui ayat ini adalah dibolehkan.

Ibn Kathir tidak dapat menganggapi maksud ayat tersebut. Lantaran itu beliau mentafsirkan bahawa ayat ini mencela bid'ah secara mutlak, sedangkan tafsiran itu adalah tidak tepat.

Soalan 9:

Adakah terdapat hadis-hadis yang boleh dijadikan hujah mengenai pembahagian bid'ah itu kepada baik dan sesat?

Jawab:

Nabi Muhammad s.a.w banyak menjelaskan perkara bid'ah ini dalam melalui hadis-hadis sahih yang diriwayatkan oleh ulama-ulama hadis muktabar seperti Imam al-Bukhari, Muslim dan sunann sittah. Antara hadis-hadis yang berkaitan dengan persoalan ini, ialah:

Pertama:

Imam Muslim, al-Nasa'ie dan Ibn Majah meriwayatkan daripada Jarir bin Abdullah daripada bapanya: Rasulullah bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا ، وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ
إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ ، مَنْ سَنَّ فِي
الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَلَهُ وَزْرُهَا ، وَوَزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ ، مِنْ غَيْرِ أَنْ
يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ .¹⁸

Ertinya: Sesiapa yang membuat sunnah (sesuatu ikutan) yang baik dalam Islam maka baginya pahala dan pahala orang yang melakukan selepasnya hingga ke hari kiamat tanpa mengurangkan pahalanya sedikit pun, dan sesiapa yang membuat sunah (sesuatu ikutan) yang tidak baik dalam Islam

¹⁸ Hadis bilangan 1691.

maka baginya dosa dan dosa orang yang melakukan selepasnya hingga ke hari kiamat tanpa mengurangkan dosanya sedikit pun.

Imam al-Nawawi mengupas hadis ini dengan mengatakan: Dalam hadis ini terdapat gesaan supaya merintis jalan kepada kebaikan dan memelopori sunnah-sunnah yang baik. Hadis ini juga memberikan ancaman daripada merintis jalan kepada perkara-perkara yang batil dan buruk.

Hadis ini mengkhususkan umum sabda baginda dalam hadis:

كُلُّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٍ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ .

Ertinya: Setiap yang baru diada-adakan adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat.

Yang dimaksudkan dengan hadis ini ialah perkara-perkara baru yang batil dan bid'ah-bid'ah yang tercela dan sesat.

Kedua:

Ibn Majah meriwayatkan daripada Abu Juhaifah, katanya: Rasulullah bersabda:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كَانَ لَهُ أَجْرُهُ وَمِثْلُ أَجُورِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يُنْقَصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْئًا ، وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كَانَ عَلَيْهِ وَزْرُهُ وَمِثْلُ أَوْزَارِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يُنْقَصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا .¹⁹

Ertinya: Barang siapa yang memelopori sunnah (sesuatu ikutan) yang baik lalu diamalkan orang selepasnya , maka dia mendapat pahalanya dan pahala seperti pahala-pahala mereka (yang mengikutinya) tanpa mengurangi sedikit pun pahala-pahala

¹⁹ Hadis bilangan 203.

mereka. Barang siapa yang mempelopori sunah (sesuatu ikutan) yang buruk lalu diamalkan orang selepasnya, maka dia menanggung dosanya dan dosa-dosa seperti dosa mereka tanpa berkurang sedikitpun dosa-dosa mereka.

Ketiga

Ahmad, al-Bazzar dan al-Tabarani dalam kitab al-Awsat meriwayatkan dengan sanad yang hasan (elok) daripada Huzaifah, katanya Nabi bersabda:

مَنْ سَنَّ خَيْرًا فَاسْتَنَّ بِهِ كَانَ لَهُ أَجْرُهُ وَمَنْ أَجُورٌ مِنْ يَبِيعُهُ غَيْرَ مُنْقِصٍ مِنْ
أُجُورِهِمْ شَيْئًا ، وَمَنْ سَنَّ شَرًّا فَاسْتَنَّ بِهِ كَانَ عَلَيْهِ وَزْرُهُ وَمِنْ أَوْزَارٍ مَنْ يَبِيعُهُ
غَيْرَ مُنْقِصٍ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا .

Ertinya: Sesiapa yang melakukan sunnah yang baik lalu sunnah itu diikuti orang maka dia mendapat pahalanya dan pahala-pahala orang yang mengikutnya tanpa mengurangkan sedikitpun pahala-pahala mereka. Sesiapa yang melakukan sunnah yang buruk lalu sunnah itu diikuti orang maka dia menanggung dosanya dan dosa-dosa orang yang mengikutnya tanpa mengurangkan sedikitpun dosa-dosa mereka.²⁰

Keempat

Diriwayatkan oleh Imam al-Tobrani daripada Abu Hurairah r.a :

مَنْ اسْتَنَّ خَيْرًا فَاسْتَنَّ بِهِ كَانَ أَجْرُهُ كَامِلًا وَمِنْ أَجُورٍ مَنْ اسْتَنَّ بِهِ لَا يَنْقُصُ مِنْ

²⁰ Hadis bilanfan

أَجُورِهِمْ شَيْئًا ، وَمَنْ اسْتَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَاسْتَنَّ بِهَا فَعَلَيْهِ وَزُرَّهُ كَامِلًا وَمِنْ أَوْزَارِ
الَّذِي اسْتَنَّ بِهِ وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا²¹.

Ertinya: Barang siapa yang mengadakan sunnah yang baik lalu sunnah itu diikuti orang maka dia memperoleh pahalanya yang sempurna serta pahala-pahala orang yang mengikut sunnah itu tanpa berkurang sedikit pun pahala-pahala mereka. Barang siapa yang mengadakan sunnah yang buruk lalu sunnah itu diikuti orang maka dia menanggung dosanya yang sempurna disamping dosa-dosa orang yang mengikut sunnah itu tanpa berkurang sedikit pun dosa-dosa mereka.

Kelima:

At-Tabarani meriwayatkan dengan sanad yang hasan daripada Wathilah bin Asqa' daripada Nabi yang bersabda:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا مَا عَمِلَ بِهَا فِي حَيَاتِهِ وَبَعْدَ مَمَاتِهِ حَتَّى يُتْرَكَ ،
وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَلَيْهِ إِثْمُهَا حَتَّى يُتْرَكَ ، وَمَنْ مَاتَ مُرَابِطًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
جَرَى عَلَيْهِ عَمَلُ الرَّابِطِ حَتَّى يُبْعَثَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ .²²

Ertinya: Barang siapa yang mempelopori sunnah (sesuatu ikutan) yang baik maka dia mendapat pahalanya selagi diamalkan semasa hayatnya dan selepas kematiannya sehinggalah sunnah itu ditinggalkan (tidak diamalkan orang). Dan barang siapa yang mempelopori sunnah (sesuatu ikutan) yang buruk maka dia menanggung dosanya sehinggalah sunnah itu ditinggalkan orang. Barang siapa yang mati kerana mengawal sempadan (daripada

²¹ Hadis bilangan 2759.

²² Hadis bilangan 17645.

dicerobohi oleh musuh) di jalan Allah maka berterusanlah kepadanya pahala mengawal sempadan itu sehinggalah dia dibangkitkan pada hari kiamat.

Hadis-hadis yang telah disebutkan di atas menjelaskan kepada kita bahawa bid'ah itu terbahagi kepada bid'ah yang baik dan bid'ah yang buruk dan sesat.

Bid'ah yang baik ialah bid'ah yang sejajar dengan prinsip syarak, sekalipun ia merupakan perkara baru yang diada-adakan dengan melihat kepada perkara tersebut, namun ia dianggap disyariatkan disebabkan ia termasuk dalam kaedah syarak, atau umum ayat al-Quran dan sunnah. Oleh kerana itulah ia dinamakan baik dan pahalanya terus diterima oleh orang yang mempelopornya selepas kematiannya.

Bid'ah yang buruk ialah yang bercanggah dengan kaedah-kaedah syarak. Ia dikira sebagai bid'ah yang tercela, dan bid'ah yang sesat.

Yang dimaksudkan dengan mempelopori sunnah ialah: Mewujudkannya dengan cara berijtihad dan mengistinbatkan (mengambil kesimpulan) daripada kaedah-kaedah syarak atau nas-nasnya yang umum. Inilah maksud yang dibayangkan oleh sunnah-sunnah (مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً) barang siapa yang mempelopori sunnah yang baik; dan (مَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً) sesiapa yang mempelopori sunnah yang sesat.

Ertinya, sesiapa yang mempelopori suatu amalan yang baik (sunnah) berdasarkan kepada dalil-dalil syarak maka dia mendapat pahalanya. Dan barang siapa mempelopori sunnah yang buruk yang bercanggah dengan syarak, dan bersandarkan kepada dalil yang tidak diperkuat oleh syarak, maka dia menanggung dosanya.

Berpegang teguh dengan sunnah, mengikut dan beramal dengannya. Perintah atau anjuran ini adalah thabit (memang betul-betul ada) dalam banyak hadis yang menggesa supaya mengikut sunnah, beramal dengannya dan menjadikan Nabi s.a.w sebagai contoh ikutan.

Mengenai persoalan menghidupkan sunnah Nabi yang telah ditinggalkan (tidak diamalkan). Al-Tirmizi dan Ibn Majah meriwayatkan hadis daripada Kathir bin Abdullah bin 'Amru bin 'Auf al-Muzani daripada bapanya daripada datuknya bahawa Nabi berkata kepada Bilal bin Harith:

Ketahuiilah wahai Bilal. Bilal menjawab: Apa yang perlu aku tahu wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Bahawa sesiapa yang menghidupkan satu sunnah daripada sunnahku yang telah ditinggalkan orang selepasku, maka dia memperoleh pahala seperti pahala orang yang beramal dengannya tanpa berkurang sedikit pun daripada pahala-pahala mereka.

Dan barang siapa yang melakukan bid'ah yang sesat dan tidak diredhai Allah dan Rasul-Nya, maka dia menanggung dosa seumpama dosa-dosa orang yang beramal dengannya tanpa berkurang sedikit pun daripada dosa-dosa mereka.

Keenam

Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan hadis daripada Aisyah, katanya: Rasulullah bersabda:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ مَرْدُودٌ .

Ertinya: Barang siapa yang mengadakan sesuatu yang baru dalam urusan kami ini yang ia bukannya daripada urusan kami maka ia adalah ditolak.

Riwayat Muslim disebutkan dengan lafaz:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Ertinya: Barang siapa yang beramal dengan sesuatu amalan yang tidak ada dalam urusan kami maka ia adalah tertolak.

مَنْ أَحْدَثَ فِي دِينِنَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Ertinya: Barang siapa yang mengadakan perkara baru dalam agama kami sedangkan ia bukan daripadanya maka ia adalah tertolak.

Ibn Rajab mengatakan: Lafaz hadis ini menunjukkan bahawa setiap amalan yang tidak ada kena mengena dengan perintah Allah S.W.T maka ia ditolak. Dari sudut kefahamannya ia menunjukkan bahawa setiap amalan yang ada kena mengena (mempunyai asasnya) dengan perintah Allah S.W.T, maka ia tidak tertolak.

Ketujuh

Riwayat Ibn Majah dalam Sunannya, perawinya adalah thiqat (dipercayai) daripada Sa'id bin al-Musayyab bahawa Bilal datang kepada Nabi meminta izin untuk melakukan azan Subuh, lalu berkata kepadanya: Baginda masih tidur, lalu Bilal menyebutkan:

الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ

Ertinya: Solat lebih baik daripada tidur.

Kemudian apa yang disebutkan olehnya diperakui ketika berazan untuk solat Subuh. Lantaran itu teruslah amalan itu dilakukan.

Dalam hadis ini menunjukkan Bilal menambah satu frasa dalam azan Subuh kemudiannya diperakui oleh syarak, kerana penambahan itu sejajar dengan matlamat disyariatkan azan iaitu untuk memanggil orang solat dan memberitahu orang masuk waktunya.

Hadis ini juga diriwayatkan oleh:

1. Al-Tabarani dalam kitab al-Awsat bersumberkan daripada Aisyah.
2. Al-Baihaqi bersumber daripada Hafs bin Umar bin Sa'ad.
3. Abu Sheikh dalam kitab al-Azan bersumber daripada Ibn Umar dan lainnya.

Kelapanan

Dalam sahih Bukhari terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Rifa'ah bin Rafi' al-Zuraqi, katanya:

Pada suatu hari kami bersolat dibelakang Nabi. Apabila baginda mengangkat kepalanya daripada rukuk, baginda menyebutkan:

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Ertinya: Allah mendengar orang yang memujinya. Lalu seorang lelaki di belakang Nabi s.aw berkata:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ

Ertinya: Wahai Tuhan kami bagi-Mulah segala pujian yang banyak lagi baik dan diberkati. Selesai solat baginda bertanya: Siapa yang berkata tadi? Lelaki itu menjawab: Saya . Baginda bersabda: Aku melihat lebih 30 malaikat berebut-rebut siapa dahulu yang hendak menulis perkataan itu.

Kesembilan

At-Tabarani meriwayatkan dalam kitab al-Awsat dengan sanad yang jayyid (baik) daripada Anas, katanya:

Rasulullah s.a.w lalu dekat seorang Arab Badwi yang sedang berdoa dalam solatnya dengan berkata: Wahai Tuhan yang tidak dapat dilihat oleh sekalian mata, tidak bercampur aduk segala sangkaan kepada-Nya, tidak dapat disifatkan (hakikat-Nya) oleh semua yang mensifatkan, tidak dapat diubah oleh segala yang baharu, tidak bimbang berlakunya pusingan hari (yang

membawa bencana). Dia mengetahui berat timbangan bukit dan sukatan laut, bilangan titisan hujan, dan bilangan dedaun pokok, bilangan segala yang terlindung oleh kegelapan malam dan kelihatan oleh kecerahan siang, satu lapisan langit tidak dapat menyembunyikan daripadanya akan lapisan langit yang lain, lapisan bumi akan lapisan bumi yang lain, laut tidak dapat menyembunyikan daripada-Nya apa yang ada di lekuknya;

Jadikanlah kiranya sebaik-baik umurku ialah penghujungnya, dan sebaik-baik amalanku ialah penyudahnya (umurku), dan sebaik-baik hariku ialah aku bertemu denganMu.

Setelah selesai solat, Nabi s.a.w memanggilnya lalu memberikannya emas yang dihadiahkan untuknya. Baginda berkata kepadanya: Aku berikan emas kepadamu disebabkan pujianmu yang indah kepada Allah azza wajalla.

Dalam hadis ini, Nabi bukan sekadar memperakukan doa yang direka oleh orang Arab Badwi itu, malah memberikan hadiah kepadanya, kerana dia telah melakukan pujian yang sangat indah kepada Allah S.W.T.

Kesepuluh

Dalam Sahih al-Bukhari ada menyebutkan kisah bagaimana Khubaib dibunuh, dan sebelum dia dibunuh dia melakukan solat dua rakaat. Al-Bukhari menyebutkan: Khubaib ialah orang pertama yang mengasaskan solat dua rakaat ketika hendak dibunuh. Walau pun perkara ini tidak diperintahkan oleh baginda, namun perkara ini tidak ditegah oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Soalan 10: kesimpulan

Daripada hadis-hadis di atas dan huraianya, apakah yang dapat disimpulkan daripada perbincangan tersebut?

Jawab:

1. Bahawa Rasulullah s.a.w sama sekali tidak menolak perkara yang membawa kepada ketaatan yang selaras dengan tuntutan syarak dan tidak bercanggah dengannya selama orang yang melakukan perkara baru itu menunaikan tuntutan umum yang tidak bercanggah dengan apa yang ditegah. Apa yang dilakukan itu merupakan cara mendekati diri kepada Allah S.W.T pada bila-bila masa sama ada malam atau siang. Ia tidak dianggap makruh dan juga bukan bid'ah tercela dan sesat.

3. Ibadat yang mutlak di mana tidak diikat oleh syarak dengan ikatan tertentu, dibolehkan seseorang itu menentukan masa dan tempat untuk melakukannya, justeru itu Rasulullah s.a.w menerima apa yang dilakukan oleh Bilal bin Rabah mengenai penentuan solat selepas wudhu', demikian juga menerima penentuan solat yang dilakukan oleh Khubaib ketika berlaku peperangan sebagai melahirkan kesabaran.

3. Dari pengakuan Rasulullah s.a.w mengenai doa-doa dalam solat itu (muhdathah) adalah suatu perkara baru. Menentukan surah-surah yang tidak ditentukannya berterusan dalam solatnya dan solat tahajudnya, menambah zikir-zikir yang tidak ma'thur dalam solat diketahui umum ia bukanlah suatu bid'ah iaitu membuat doa-doa yang tidak bercanggah dengan doa-doa yang warid daripada Nabi s.a.w, khasnya membuat perkara baru dimasa-masa yang mustajab berdoa seperti berdoa selepas setiap solat, selepas azan, semasa bertempur dengan musuh, ketika turun hujan dan sebagainya. Sebagaimana yang diketahui umum bukanlah dikategorikan sebagai bid'ah apa yang diperkenal dan diamalkan oleh ulama-ulama dan orang-orang yang soleh mengenai doa-doa, ibtihalat, zikir-zikir yang dijadikan wirid selama ianya daripada jenis perkara yang dituntut. Contohnya, mengamalkan zikir Asma' al-Husna beramai-ramai, wirid Hojakan, membaca Yasiin malam Jumaat beramai-ramai dan doa-doa mohon perlindungan daripada ancaman musuh seperti Hizib Bahar dan Hizib al-Nawawi yang diperkenalkan oleh Imam al-Nawawi dan sebagainya.

4. Pengakuan Nabi s.a.w mengenai perhimpunan para sahabat di dalam masjid, memuji baginda dan bermuzakarah kerana kurniaan Allah S.W.T mengutuskan Nabi kepada umat ini, tindakan mengadakan perhimpunan untuk melakukan kebaikan, berzikir, membaca al-Quran di masjid dan lainnya sama ada secara senyap atau kuat tanpa menimbulkan gangguan.

Selagi seseorang itu melakukan sesuatu perkara baru yang diada-adakan itu selaras dengan tuntutan syarak (Al-Quran, sunnah, ijmak dan qias) serta tidak bercanggah dengan apa yang ditegah, bahkan dilakukannya hanya untuk mendampingi diri kepada Allah S.W.T, maka ia bukanlah dianggap sebagai bid'ah dhalalah atau sesat, tetapi dinamakan sunnah yang diistilahkan sebagai bid'ah hasanah.

Wallahu a'lam.

RUJUKAN

1. Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995.
2. Sohih Al-Bukhari, Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
3. Sohih Muslim Bi Syarh al-Nawawi, Dar al-Fikr Birut 1978.
4. Sunan al-Nasa'i Bi Syarh al-Imamain al-Suyuthi wa al-Sindi, Dar al-hadis al-Qahirah, 1999.
5. Sunan al-Tirmizi, Abi Isa Muhammad Ibnu Isa Ibnu Saurah, cetakan Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
6. Sunan Abi Daud, Imam al-Hafiz Abi Daud Sulaiman Ibnu al-Asy'as al-Sajastani al-Azadi, cetakan Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
7. Musnad Ahmad Ibnu Hanbal, cetakan Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
8. Al-Mausu'ah al-Yusufiyah Fi Bayan Adillati al-Sufiyah, Al-Syeikh Yusof Khattar Muhammad, Cetakan Dar al-Taqwa, Syeria, Dansyik, halbuni, tahah, 2003.
9. Mafahim Yajibu An Tusahhah, Prof. Dr. Syeid Muhammad Ibnui Alawi al-Maliki al-Hasani, Abnak Printing, 2008.
10. Al-Imam al-Syeid Izzuddin Madhi Abi Al-Azaim, Aiyuhal Qarniyyuna Halla Faqihum, Dar al-Kitab al-Sufi, cetakan pertama, 1995.
11. al-Syeikh Ahmad .Al-Zaini Dahlan al-Al-Syafi'e, Fitnah al-Wahhabiyyah min al-Futuhah al-Islamiah.

12. Minhaj al-Salimin fi Toriqati al-Mutaqaddimin, Ismail bin Ahmad bin Muhammad Soleh al-Tatani al-Langguri, cetakan al-Anwar, Mesir, tahun 1381H.
13. K.H. Sirajuddin Abbas, Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, Pustaka Aman Press Sdn Bhd, Kota Bahru, Kelantan, 1996.
14. Ibn Rajab, Jami' al-Ulum wa al-Hikam, cetakan Dar al-Furqan, Jordan.
15. Hamka, Sebuah Polimik Agama Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor, Pustaka Dini, 2009.
16. Al-Misbah al-Munir. Cetakan al-Maktabah al-Ilmiyyah, Beirut.

Tulisan kulit:

Selagi seseorang itu melakukan sesuatu perkara baru yang diada-adakan itu selaras dengan tuntutan syarak (Al-Quran, sunnah, ijmak dan qias) serta tidak bercanggah dengan apa yang ditegah, bahkan dilakukannya hanya untuk mendampingi diri kepada Allah S.W.T, maka ia bukanlah dianggap sebagai bid'ah dhalalah atau sesat, tetapi dinamakan sebagai bid'ah hasanah, iaitu bid'ah yang baik atau terpuji.